

**Malaysia Komited Mahu Melihat Dunia Bebas Daripada Keganasan  
Bernama  
29 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Malaysia sentiasa komited mahu melihat dunia bebas daripada keganasan sambil menegaskan pentingnya masyarakat antarabangsa mengendalikan pelbagai aspek keganasan dengan cara yang seimbang.

Kuasa Usaha Sementara di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Datuk Saiful Azam Martinus Abdullah berkata masyarakat antarabangsa mesti berusaha lebih dan bertindak sewajarnya, jika mereka benar-benar jujur dan komited menghapuskan keganasan dan ekstremisme.

"Kita tidak boleh berpura-pura bahawa masalah di Timur Tengah tidak wujud, begitu juga tidak boleh terus-menerus menafikan kekejaman yang telah dilakukan. Hanya melalui tindakan dan keputusan, barulah kita dapat menjadikan dunia bebas daripada keganasan," katanya semasa berucap di Sidang Pleno Perhimpunan Agung sempena Minggu Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Strategi Menentang Keganasan Global di New York, semalam.

Teks ucapan beliau dihantar kepada Bernama hari ini.

Mengulas tentang usaha Malaysia membanteras keganasan, Saiful Azam berkata Malaysia menyokong usaha meningkatkan lagi langkah pencegahan keganasan, termasuk mewujudkan penyelarasan keseluruhan menentang keganasan di PBB dan ini akan mewujudkan persefahaman yang lebih kukuh untuk mencegah keganasan global.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676968>